

<b>Headline</b>	<b>THT kekal juara berganda</b>		
<b>MediaTitle</b>	Harian Metro	<b>Language</b>	Malay
<b>Date</b>	26 Sep 2016	<b>Readership</b>	3,812,000
<b>Circulation</b>	1,270,667	<b>Page No</b>	63
<b>Section</b>	Arena	<b>Journalist</b>	N/A
<b>ArticleSize</b>	183 cm <sup>2</sup>		
<b>PR Value</b>	RM 21,627		



## THT kekal juara berganda

**Kuala Lumpur:** Dominasi berterusan dilakar Pasukan Hoki Terengganu (THT) apabila berjaya mempertahankan kejuaraan Piala TNB buat kali ketiga berturut-turut selepas menewaskan Sapura 3-0 semalam.

Kejayaan itu juga bermakna THT berjaya meraih kejuaraan berganda tiga tahun berturut-turut sejak 2014 selepas turut berjaya mempertahankan kejuaraan Liga Perdana musim ini.

Kedua-dua pasukan mempamerkan corak permainan pantas sehingga menyaksikan THT dihadiahkan

pukulan sudut penalti minit kedua tetapi ia gagal menghasilkan gol.

eminit kemudian, giliran Sapura memperoleh pukulan sudut penalti tetapi mereka juga gagal memanfaatkan peluang terbaik itu.

Kerja keras THT akhirnya membawa hasil apabila tonggak import Jang Jong Hyun menghadiahkan jangan pertama selepas menguis masuk hasil pukulan sudut penalti minit keenam.

Nicolas Enrique Della Torre menyumbang gol kedua selepas menolak masuk bola dari sudut sukar ke penjuru

kiri gawang gol lawan.

Minit ke-36 menyaksikan penyergang sensasi Faizal Saari berpeluang untuk menambah gol ketiga THT apabila berjaya meloloskan diri, namun cubaan terkena tiang gol.

Jong Hyun menambah gol kedua peribadi sekali gus ketiga untuk THT selepas menguis masuk hasil pukulan sudut penalti minit ke-51.

Headline	THT kekal juara berganda		
MediaTitle	Harian Metro	Language	Malay
Date	26 Sep 2016	Readership	3,812,000
Circulation	1,270,667	Page No	63
Section	Arena	Journalist	N/A
ArticleSize	183 cm <sup>2</sup>		
PR Value	RM 21,627		



**PEMAIN THT** Nicolas Della Torre (kiri) melakukan percubaan di depan gawang Sapura.